

## **HUBUNGAN ANTARA MEMORI JANGKA PENDEK VISUAL DAN AUDITORI-VISUAL DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK KANAK-KANAK PENERIMA IMPLAN KOKLEA**

Tan Ping Meng

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan antara memori jangka pendek visual and auditori-visual dengan pencapaian akademik kanak-kanak penerima implan koklea. Seramai 25 orang kanak-kanak berumur tujuh hingga tiga belas tahun ( $112 \pm 23$  bulan) yang menerima implan koklea sebelum berumur lima tahun ( $41 \pm 11$  bulan) terlibat dalam kajian ini. Kesemua subjek adalah daripada Program Implan Koklea Universiti Kebangsaan Malaysia. Semua subjek mempunyai masalah pendengaran pra-lingual dan telah memakai sistem implan koklea Nucleus 24 atau Nucleus Freedom sekurang-kurangnya 2 tahun ( $70 \pm 25$  bulan). Dalam kajian ini, ujian *Finger Windows* digunakan untuk menguji memori jangka pendek visual dan auditori-visual. Subjek diuji dalam dua keadaan iaitu dengan kiu visual dan auditori-visual. Pencapaian akademik subjek diukur berdasarkan keputusan peperiksaan pertengahan tahun untuk tahun 2008. Mata pelajaran yang terlibat adalah Bahasa Malaysia (kertas pemahaman dan penulisan), Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains, skor memori jangka pendek visual dan tempuh penggunaan implan koklea apabila umur kronologi subjek dikawal ( $p < 0.01$ ). Di samping itu, tiada perbezaan signifikan antara dua skor memori jangka pendek dan keputusan setiap mata pelajaran juga tidak kepada kiu visual dalam ujian memori walaupun input auditori tambahan diberikan antara memori jangka pendek dan keputusan peperiksaan mencadangkan bahawa terdapat faktor selain dari memori jangka pendek yang mempengaruhi pencapaian akademik kanak-kanak tersebut. Selain itu, bahan bantuan pengajaran visual boleh digunakan untuk membantu kanak-kanak ini yang mempunyai kemahiran visual yang bagus dalam pembelajaran mereka.

Tan, P. M. 2010. Hubungan antara Memory Jangka Pendek Visual dan Auditori-Visual Dengan Pencapaian Akademik Kanak-Kanak Penerima Implan Koklea. Bachelor of Audiology Thesis. Universiti Kebangsaan Malaysia.